



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

8 MAC 2023 (RABU)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

8 MAC 2023 (RABU)

Jualan Rahmah bantu B40 jimat RM100 sebulan

Kuala Lumpur: Inisiatif Jualan Rahmah yang dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup bermula 11 Januari lalu membantu pengguna kelompok B40 dan miskin tegar berjimat hingga RM100 sebulan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata inisiatif itu juga mendapat sokongan dan dukungan dari pada pasar raya terkemuka seperti Mydin, 99 Speedmart, Lotus dan AEON Big.

"Kajian mendapati 20 barang asas terutama kepada golongan B40 dan miskin tegar yang dibeli melalui Jualan Rahmah di pasar raya ini, pengguna dapat berjimat daripada RM20 hingga RM24 sekali berbelanja.

"Maknanya, kalau isi rumah itu berbelanja untuk keperluan keluarga sebanyak lima kali sebulan, bermakna dia dapat berjimat hampir RM100 sebulan," katanya ketika menjawab soalan Cha Kee Chin (PH-Rasa) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Cha dalam soalannya ingin tahu secara terperinci bagaimana Jualan Rahmah yang dilancarkan pada 11 Januari lalu dilaksanakan dan adakah inisiatif itu mendapat sambutan dari pada pasar raya atau kedai di seluruh negara dan keberkesanannya dalam mengurangkan kos sarawak hidup setakat ini.

Salahuddin berkata, inisiatif Jualan Rahmah bukan sahaja membawa faedah kepada pengguna malah memberikan pulangan kepada pasar raya yang terabit dengan usaha itu.

"Sebagai contoh pada akhir Februari, Econsave



SALAHUDDIN

mengumumkan kesan daripada Jualan Rahmah ini mereka menawarkan 1,000 barang dengan potongan (harga) daripada tiga peratus hingga 30 peratus dan Econsave memaklumkan mereka dapat menambah 30 peratus jualan mereka.

"Ini membuktikan bahawa ia juga memberikan pulangan kepada pasar raya yang terabit dalam usaha dijalankan oleh kerajaan. Bila mereka mengadakan Jualan Rahmah ini, jumlah yang datang itu bertambah dan syarikat mendapat keuntungan dan rakyat mendapat harga yang murah," katanya.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata peruntukan RM100 juta daripada Belanjawan 2023 yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini akan diguna untuk mengadakan Jualan Rahmah di semua 222 kawasan Parlimen di seluruh negara.

"Jualan Rahmah ini kita boleh adakan di semua kawasan Parlimen sebanyak empat kali seminggu. Apa yang penting adalah setiap kawasan Parlimen itu akan mendapat peruntukan lebih kurang RM8,662 seminggu," katanya.

'Rahmah Sale scheme helps the poor save up to RM100 a month'

KUALA LUMPUR: The Rahmah Sale initiative implemented by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) which began on Jan 11 has helped the B40 group and hardcore poor save up to RM100 a month, it was revealed.

Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the initiative was also

supported by leading hypermarkets such as Mydin, Lotus's, Aeon Big and 99 Speedmart.

He said according to a survey, consumers could save up to RM24 on each purchase with the Rahmah Sale initiative which offers various essential items at low prices.

"This means that if a customer

spends five times a month, he can save almost RM100 per month," he said in reply to Cha Kee Chin (PH-Rasah) during question time at the Dewan Rakyat yesterday.

Cha wanted to know details about how the Rahmah Sales was implemented and its effectiveness in reducing the cost of living.

Salahuddin said the Rahmah Sale initiative not only benefited consumers but also the hypermarkets.

Watch the video
TheStarTV.com



B40 households benefiting from Rahmah Sale

KUALA LUMPUR: The Rahmah Sale initiative, implemented by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, which began on Jan 11, has helped consumers in the B40 (Bottom 40% income) group and hardcore poor save up to RM100 a month.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the initiative was also supported by leading supermarkets such as Mydin, 99 Speedmart, Lotus and Aeon Big.

He said according to a survey, consumers could save up to RM24 on each purchase with the Rahmah Sale initiative, which offers various essential items at low prices.

"This means that if a customer spends five times a month, he can save RM100 per month," he said in reply to a question from Cha Kee Chin (PH-Rasah, during the question-and-answer session in the Dewan Rakyat yesterday.

Cha wanted to know in detail about how the Rahmah Sale was implemented and its effectiveness in reducing the cost of living.

Salahuddin said the initiative has not only benefited consumers but also supermarkets.

"For instance, Econsave, at the end of February, announced that its sales had increased as a result of its Rahmah Sale effort, which offers 1,000 items at discounts ranging from 3% to 30%."

Salahuddin added that the RM100 million allocation received by the ministry under Budget 2023 would be used to hold Rahmah Sales in all 222 parliamentary constituencies nationwide.

"We may hold this Rahmah Sale in all parliamentary constituencies four times a week and each constituency will receive an allocation of about RM8,660 per week." - Bernama

'Pasar raya Rahmah' sedang diteliti kerajaan

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang meneliti cadangan mewujudkan pasar raya yang menjual barang mampu milik, selepas Menu Rahmah yang diperkenalkan sebelum ini mendapat sambutan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, negara seperti Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) mempunyai pasar raya seperti itu yang memberi banyak manfaat kepada rakyat.

"Insya-Allah, saya akan adakan lagi libat urus. Kita ramai bilionair dalam negara dan mengapa tidak mereka melabur dalam pasar raya ini, yang dapat memberikan manfaat.

"Bagaimanapun, kenapa kita tidak cuba wujudkan pasar raya yang mampu milik sebab kadang-kadang barang ini, yang mahal adalah jenama tetapi kualitinya tetap sama," katanya semasa sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Cha Kee Chin (PH-Rasah) mengenai bagaimana Jualan Rahmah yang telah dilancarkan sebelum ini dilaksanakan selain inisiatif itu jika mendapat sambutan daripada pasar raya atau kedai di seluruh negara.

Sidang Dewan Rakyat

KPDN kaji cadangan wujud pasar raya mampu milik

Kemudahan mampu beri manfaat kepada golongan memerlukan

Oleh Zanariah Abd Mutalib,
Suzalina Halid dan Ahmad-Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) sedang meneliti cadangan mewujudkan pasar raya barang mampu milik selepas Jualan Rahmah mendapat sambutan menggalakkan.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata negara seperti Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) mempunyai pasar raya seumpama itu yang memberi banyak manfaat kepada golongan memerlukan.

"Kenapa kita tidak cuba mewujudkan pasar raya yang mampu milik. Kadang-kadang barang ini, yang mahal adalah jenama, tapi kualitinya tetap sama.

"Pelanggan dan keuntungannya juga amat memberangsangkan untuk kita turut serta.

"Insya-Allah, saya akan adakan lagi libat urus. Kita ramai billionair dalam negara dan mengapa tidak mereka melabur dalam pasar raya ini yang dapat mem-



Pasar raya mampu milik akan diwujudkan bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat. (Foto hiasan)

berikan manfaat kepada rakyat," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Untungkan rakyat, peniaga

Beliau menjawab soalan tambahan Cha Kee Chin (PH-Rasah) mengenai sama ada kerajaan akan meneruskan program Jualan Rahmah, yang memberi manfaat kepada rakyat, terutama golongan memerlukan.

Menjawab soalan asal Kee Chin mengenai perincian Jualan Rahmah dan sama ada ia mendapat sambutan daripada pasar raya

atau kedai serta keberkesanannya mengurangkan kos sara hidup, Salahuddin berkata, Jualan Rahmah terbukti bukan sahaja menguntungkan rakyat, tetapi juga perniagaan yang terbabit dalam insentif itu.

"Dulu kita percaya kepada pendekatan *loss leader* tetapi sekiranya disebabkan Jualan Rahmah, semua pemain industri percaya kepada *crowd puller* kerana apabila mereka mengadakan Jualan Rahmah ini, jumlah (pengunjung) yang datang bertambah.

"Syarikat mendapat keuntu-

ngan dan rakyat mendapat harga yang murah. Sebagai contoh, 20 barang asas kepada golongan B40 dan miskin tegar yang dibeli melalui 'Jualan Rahmah ini, pengguna dapat berjimat dari pada RM20 sehingga RM24 sekali membeli.

"Ini bermakna, apabila isi rumah berbelanja untuk keperluan keluarga lima kali sebulan, mereka dapat berjimat RM100 sebulan dan saya yakin melalui libat urus ini sepanjang tahun, rakyat akan mendapat manfaat," katanya.



JUALAN Rahmah memberi manfaat kepada rakyat untuk meringankan beban rakyat. — GAMBAR HIASAN

Pertimbang cadangan Pasar Raya Rahmah

KUALA LUMPUR — Kementerian Perdagangan Dalam Negeiri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang mempertimbangkan cadangan mewujudkan pasar raya yang menjual barang mampu milik selepas melihat Jualan Rahmah mendapat sambutan menggalakkan.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, negara seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom mempunyai pasar raya seumpama itu yang memberi banyak manfaat kepada golongan memerlukan.

"Kenapa kita tidak cuba mewujudkan pasar raya mampu milik. Kadang-kadang bahan ini, yang mahal adalah jenama tapi kualiti tetap sama. Pelanggan dan keuntungannya juga amat memberangsangkan untuk kita turut serta.

"Saya akan adakan lagi libat urus. Kita ramai billionair dalam negara dan mengapa tidak mereka melabur dalam pasar raya ini yang dilihat dapat memberi manfaat kepada rakyat,"

katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Cha Kee Chin (**PH-Rasah**) yang ingin tahu mengenai sama ada kerajaan akan teruskan program Jualan Rahmah yang memberi manfaat kepada rakyat terutama golongan memerlukan.

Ketika menjawab soalan asal Kee Chin mengenai perincian Jualan Rahmah sama ada ia mendapat sambutan daripada pasar raya atau kedai serta keberkesanannya mengurangkan kos sara hidup, Salahuddin berkata, Jualan Rahmah terbukti bukan saja menguntungkan rakyat, tetapi juga perniaga yang terbabit dalam insentif itu.

"Syarikat mendapat keuntungan dan rakyat mendapat harga yang murah. Sebagai contoh, 20 barang asas kepada golongan B40 dan miskin tegar yang dibeli melalui Jualan Rahmah ini, pengguna dapat berjimat antara RM20 hingga RM24 sekali membeli," jelasnya.

HARI : RABU
TARIKH : 8/3/2023
M/SURAT : 1



Kerajaan rancang wujudkan pasar raya Rahmah - Salahuddin

KUALA LUMPUR - Kerajaan mewujudkan pasar raya mampu milik yang menjual barang keperluan harian dengan harga Rahmah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pihaknya akan mengadakan libat urus bersama individu-individu yang berpotensi menjadi pelabur bagi merealisasikan hasrat tersebut.

Menurutnya, langkah itu sebagai usaha jangka panjang memastikan rakyat memerlukan dapat

menikmati inisiatif barang Rahmah secara berterusan.

"Saya telah mula berfikir sekiranya syarikat-syarikat hypermarket (pasar raya besar) ini yang bukan sahaja dalam negeri tapi multinasional seperti Lotus dan AEON BIG ini (boleh buat jualan Rahmah), kenapa tidak kita cuba wujudkan hypermarket untuk mampu milik."

"Kita ramai jutawan dalam negeri kita ini kenapa tidak mereka melabur dalam pasar raya ini dan akan beri manfaat kepada rakyat. "Insya-ALLAH kita akan adakan

lagi libat urus," katanya.

Menurut Salahuddin, model pasar raya barangan mampu milik pernah diwujudkan di United Kingdom dan Amerika Syarikat.

"Kadang-kadang barang-barang ini mahal kerana jenama tapi kualiti tetap sama. Jadi mereka buat hypermarket (mampu milik) untuk golongan yang memerlukan.

"Pelanggannya dan keuntungannya juga amat memberangsangkan untuk kita turut serta," ujarnya.

Beliau menjawab soalan tambahan Cha Kee Chin

(PH-Rasah) yang mahu tahu bagaimana penglibatan pasar raya mini dan kedai runcit tentang jualan Rahmah dan adakah jualan Rahmah akan berterusan.

Dalam pada itu, **Salahuddin (PH-Pulai)** menjelaskan, kerajaan tidak pernah membuat paksaan untuk mana-mana kedai runcit dan pasar raya mini membuat jualan Rahmah seperti yang dilaksanakan oleh pasar raya besar.

"Setelah kita dapat kerelaan kedua-dua pihak, baru ia dilaksanakan," jelas beliau.



SALAHUDDIN



ANGGOTA penguat kuasa KPDN menunjukkan minyak masak peket yang dirampas dalam serbuan di sebuah rumah di Kampung Jal Kechik, Tumpat kelmarin.

Memiliki barang bersubsidi tanpa lesen

7.1 tan minyak peket simpan tepi rumah

Oleh ROSLIZA MOHAMED

PASIR MAS – Seorang lelaki dicekup selepas dipercayai menyimpan sebanyak 7.1 tan minyak masak peket subsidi yang bernilai RM17,860 tanpa kebenaran di sebuah rumah di Kampung Jal Kechik, Tumpat di sini kelmarin.

Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Pasir Mas menjalankan serbuan di rumah tersebut kira-

kira pukul 4.30 petang selepas menerima maklumat daripada orang awam.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Cawangan Pasir Mas, Suhaimi Abas berkata, berdasarkan maklumat itu, lima anggota penguat kuasa KPDN mendapati rumah tersebut berada dalam keadaan mencurigakan apabila disyaki menyimpan barang kawalan.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut di kawasan rumah itu telah menemui minyak masak

peket bersubsidi seberat 7,140 kilogram disimpan di tepi rumah berkenaan sudah empat hari.

"Suspek yang berusia dalam lingkungan 30-an juga didapati tidak mempunyai lesen perniagaan."

"Siasatan lanjut mendapat kesemua bekalan minyak masak itu diperoleh dari luar Kelantan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Suhaimi, kes akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Two held over purchase of subsidised diesel for commercial use

IPOH: The Perak Domestic Trade and Cost of Living Ministry nabbed two local men for buying subsidised diesel for commercial use near Manjung on Monday.

Its director Datuk Kamalludin Ismail said the two suspects, aged 69 and 53, were detained in an operation dubbed *Ops Tiris* at the Pundut quarry area in Lumut.

"Also seized during the operation was a lorry loaded with subsidised diesel. The operation was carried out following a week of surveillance and intelligence gathering on diesel buying activities at petrol stations in Manjung.

"The suspects were found using lorries

with modified fuel tanks and they will frequently go to the petrol station repeatedly as a cover for their activities," he said.

Kamalludin added that through the modus operandi, they were able to obtain 250 litres of diesel, which they will subsequently use for their company's machinery and vehicles.

"They should not be using subsidised diesel for commercial purposes, but instead have to buy industrial category diesel," he said.

In the operation, the team also found a tank with a maximum capacity of 15,000 litres, 2,250 litres of diesel and equipment used to transfer the diesel, all of which were estimated

to be worth RM46,800.

"The case will be investigated under Section 21 and Section 20(1) of the Control of Supplies Act 1961 and Control of Supplies Regulations 1974", Kamalludin said.

Meanwhile in Kedah, the state office of the ministry seized 12,000 litres of diesel worth RM25,800 during a raid on a storeroom at an oil palm plantation in Bedong near Sungai Petani on Monday.

Kedah ministry director Affendi Rajini Kanth said in the 1.30pm *Ops Tiris* raid, the team also seized two skid tanks and four hoses worth RM10,200. - Bernama

ANTARA 33 LOKASI 'SYURGA' BARANG TIRUAN

JALAN PETALING 'DIKTIRAF DUNIA'



AKHBAR
PILIHAN PEMBACA
PUTRA BRAND
AWARDS
2022

Sebut Jalan Petaling, semua orang tahu termasuk dalam kalangan pelancong kerana ia menjadi lokasi membeli-belah pelbagai produk jenama terkenal tiruan. Malah, ia juga menjadi antara 33 lokasi penjualan produk tiruan di dunia seperti didepakkan Pejabat Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (USTR) baru-baru ini, sekali gus memberi imej negatif kepada negara. Iapor Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Hafizul Hilmie Mohd Noor



'Petaling Street' bukan kebal

Kuala Lumpur: Tiada istilah 'Petaling Street' atau Jalan Petaling kebal dari tindakan undang-undang.

Itu amaran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terhadap peniaga yang menjadikan lokasi itu sebagai hub barangan tiruan atau cetak rompak.

Buktinya KPDN melakukan operasi kelmarin sebelum merampas beg tangan, dompet, kasut dan jam pelbagai jenama dipercayai tiruan bernilai lebih RM500,000.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, rampasan dilakukan menerusi Operasi Bersepada yang dijalankan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

"KPDN menyerbu tujuh stor yang dijadikan tempat penyimpanan barang disyaki tiruan membabitkan pelbagai berjenama. Semua barang berkenaan disita kerana disyaki menggunakan cap dagangan secara salah.

"Hasil serbuan itu, kami turut menahan dua lelaki warganegara yang mengaku sebagai pemilik stor berkenaan," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Ariffin berkata, hasil pe-

meriksaan di tujuh stor berkenaan, pihaknya menyita 2,662 unit barang tiruan dianggarkan bernilai RM570,000.

"Berdasarkan siasatan, semua barang ini diperolehi dari luar negara dan semua stok ini adalah bagi tujuan penjualan kepada pelancong di lokasi pelancongan itu.

"Barang tiruan yang berkualiti tinggi ini dijual dengan harga RM500 sehingga RM4,000 bagi seunit. Siasatan juga mendapati jam tangan tiruan-berjenama dijual pada harga RM750 sehingga RM4,000," katanya.

Menurutnya, siasatan berhubung rampasan berkenaan dilakukan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA-TFPUA 2001); Akta Cap Dagangan 2019; Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hak Cipta 1987.

"Bagi tahun ini sebanyak 25 kes berhasil dan disiasat mengikut akta berkenaan membabitkan nilai RM1.2 juta dengan barang sitaan sebanyak 24,537 unit.

"Manakala jumlah tangkapan di bawah Ops Jeriji 4.0 bagi tahun 2023 adalah seramai 13 individu berkaitan dengan harta intelek," katanya.



KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)

8 MAC 2023 (RABU)

Kerajaan belum halang monopoli

Kerajaan belum menghalang monopoli bagi industri tertentu kerana saiz pasaran dagangan dalam Malaysia tidak cukup besar.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh, berkata atas faktor saiz pasaran dagangan yang terhad, kerajaan masih belum mewujudkan akta antimonopoli bagi menghapuskan monopoli atau penguasaan dominan syarikat dalam sektor tertentu.

Bagaimanapun, katanya, pengguna masih boleh dilindungi daripada salah guna syarikat yang diberi hak monopoli atau menguasai sektor tertentu, menerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

Setakat ini, katanya, antara sektor yang dimonopoli di Malaysia adalah beras yang dikuasai syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), selain duopoli dalam sektor gula yang dikuasai dua syarikat besar.

“Oleh kerana ketika ini saiz pasaran dagangan dalam negara kita belum cukup besar, negara kita belum mewujudkan akta antimonopoli.

“Namun, MyCC melalui Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 boleh menjalankan penyiasatan terhadap aduan atau tuduhan penyalahgunaan kuasa monopoli dan dominan,” katanya ketika sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.



MEDIA ONLINE

(KPDN)

8 MAC 2023 (RABU)

BERITA ONLINE BERTARIKH 8 MAC 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-Mar	KPDN lancar Food Bank Wakaf Rahmah bantu pelajar	https://malaysiagazette.com/2023/03/07/kpdn-lancar-food-bank-wakaf-rahmah-bantu-pelajar/	MALAYSIAGAZETTE
8-Mar	PELANCARAN PROGRAM FOOD BANK WAKAF RAHMAH DI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN) SELANGOR	https://fb.watch/j6FsKVicrn/?mibextid=tejx2t	FB
8-Mar	No plans to enact anti-monopoly laws as trading market limited, says Fuziah	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/07/no-plans-to-enact-anti-monopoly-laws-as-trading-market-limited-says-fuziah	THESTAR
8-Mar	Belum ada akta antimonopoli kerana saiz pasaran dagangan Malaysia terhad	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1073472/belum-ada-akta-antimonopoli-kerana-saiz-pasaran-dagangan-malaysia	BH
8-Mar	No laws to prevent monopoly in country, Dewan told	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/03/886635/no-laws-prevent-monopoly-country-dewan	NST
8-Mar	Akta antimonopoli belum diwujudkan	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/58774-tiada-syarikat-monopoli-beras-roti-dan-gula	BERITARTM
8-Mar	Jualan Rahmah bantu isi rumah jimat sehingga RM100 sebulan	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/248484	SH
8-Mar	Inisiatif jualan rahmah bantu keluarga bergaji rendah jimat hingga RM100 sebulan	https://berita.mediacorp.sg/dunia/inisiatif-jualan-rahmah-bantu-keluarga-bergaji-rendah-jimat-hingga-rm100-sebulan-737896	BERITAMEDIACORP
8-Mar	KPDN kaji syor wujud pasar raya Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1073454/kpdn-kaji-syor-wujud-pasar-raya-rahmah	BH

8-Mar	KPDN cadang pasar raya jual barang mampu milik diwujudkan	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58765-kpdn-cadang-pasar-raya-jual-barang-mampu-milik-diwujudkan	BERITARTM
8-Mar	KPDN kaji wujudkan pasar raya Rahmah	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kaji-wujudkan-pasar-raya-rahmah/	BULETINTV3
8-Mar	Kerajaan rancang wujud pasar raya mampu milik	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/943104/kerajaan-rancang-wujud-pasar-raya-mampu-milik-metrotv	HM
8-Mar	Menteri cadang wujudkan pasar raya harga berpatutan, libatkan hartawan	https://m.malaysiakini.com/news/657610	MALAYSIAKINI
8-Mar	Kerajaan rancang wujud pasar raya	https://youtu.be/yTLX4Xg2KhU	HM
8-Mar	Rahmah sale initiative helps B40 households save up to RM100 a month, says Salahuddin	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/07/rahmah-sale-initiative-helps-b40-households-save-up-to-rm100-a-month-says-salahuddin	THETSAR
8-Mar	KPDN's Rahmah sale initiative helps b40 households save up to RM100 a month	https://www.thesundaily.my/home/kpdn-s-rahmah-sale-initiative-helps-b40-households-save-up-to-rm100-a-month-JH10718133	THESUNDAILY
8-Mar	Pasar raya tempatan, multinasional dicadang jual barang mampu milik	https://malaysiagazette.com/2023/03/07/pasar-raya-tempatan-multinasional-dicadang-jual-barang-mampu-milik/	MALAYSIAGAZETTE
8-Mar	'Petaling Street tidak kebal undang-undang'	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/943136/petaling-street-tidak-kebal-undang-undang	HM
8-Mar	Lelaki ditahan bersama minyak masak bernilai RM17,860	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/943081/lelaki-ditahan-bersama-minyak-masak-bernilai-rm17860	HM

8-Mar	KPDN rampas 12,000 liter diesel diseleweng	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/kpdn-rampas-12000-liter-diesel-diseleweng/	UM
8-Mar	KPDN Kedah sita 12,000 liter minyak diesel cuba diseleweng	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/248474	SH
8-Mar	KPDN tahan dua lelaki disyaki seleweng diesel bersubsidi	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2170685	BERNAMA
8-Mar	KPDN bakal lancar skim jualan pakaian raya Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/kpdn-bakal-lancar-skim-jualan-pakaian-raya-rahmah	SUARAKEADILAN
8-Mar	KPDN melancarkan Program Food Bank Wakaf Rahmah bagi membantu pelajar kurang berkemampuan	https://suaramerdeka.com.my/kpdn-melancarkan-program-food-bank-wakaf-rahmah-bagi-membantu-pelajar-kurang-berkemampuan/	SUARAMERDERKA
8-Mar	Food Bank Wakaf Rahmah Uniten dilancar, manfaat 1,000 pelajar	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/food-bank-wakaf-rahmah-uniten-dilancar-manfaat-1-000-pelajar-409706	ASTROAWANI
8-Mar	Food Bank Wakaf Rahmah Uniten dilancar, manfaat 1,000 pelajar	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2170945	BERNAMA
8-Mar	Food Bank wakaf rahmah UNITEN tobbenefit 1,000 students	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2170957	BERNAMA
8-Mar	Polis tahan 9 lelaki rampas diesel subsidi RM322,500	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/248594	SH
8-Mar	KPDN serbu premis jual barang tiruan Jalan Petaling, rampas barang lebih RM500,000	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1073645/kpdn-serbu-premis-jual-barang-tiruan-jalan-petaling-rampas-barang	BH

8-Mar	'Petaling Street' diserbu KPDN, barang tiruan RM570,000 dirampas	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1073636/petaling-street-diserbu-kpdn-barangan-tiruan-rm570000-dirampas	BH
8-Mar	KPDN rampas 2,662 beg, jam tiruan di Petaling Street	https://www.kosmo.com.my/2023/03/07/kpdn-rampas-2662-beg-jam-tiruan-di-petaling-street/	KOSMO
8-Mar	2,662 beg, jam tiruan dirampas	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/2662-beg-jam-tiruan-dirampas/	UM
8-Mar	Jalan Petaling 'diiktiraf dunia'	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/03/943349/jalan-petaling-diiktiraf-dunia	HM